

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI)
(MATA WANG DIGITAL DAN TOKEN DIGITAL) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) (Pindaan) 2025**.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 [*P.U. (A) 12/2019*] yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2, dengan menggantikan takrif “token digital” dengan takrif yang berikut:

‘ “token digital” ertinya suatu representasi digital yang direkodkan di atas suatu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya tetapi tidak termasuk—

- (a) debentur, saham atau bon yang diterbitkan atau dicadangkan untuk diterbitkan oleh mana-mana kerajaan;
- (b) syer dalam atau debentur, sesuatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan; atau
- (c) unit dalam suatu skim unit amanah atau pelaburan ditetapkan,

dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya.’.

Pemotongan perenggan 5

3. Perintah ibu dipinda dengan memotong perenggan 5.

Dibuat 31 Disember 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/14(3); GC(LR)1/2024(294) Prescription of Securities DC & DT (A) Order 2024; PN(PU2)662/JLD.15]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II